



KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/06/02 - 47

SEMAKAN KELULUSAN DAN PERMOHONAN RAYUAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP)

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa semakan kelulusan permohonan Geran Khas Prihatin (GKP) boleh dibuat mulai 3 Jun 2020 melalui portal rasmi GKP di <https://gkp.hasil.gov.my>.
2. Sepanjang tempoh permohonan GKP dibuka mulai 1 Mei sehingga 15 Mei 2020, LHDNM telah menerima sebanyak 642,976 permohonan dan sebanyak 488,857 (76.0 peratus) permohonan telah diluluskan. Manakala bakinya sebanyak 81,260 (12.6 peratus) permohonan masih dalam proses semakan lanjut agensi dan 72,859 (11.3 peratus) permohonan lagi telah ditolak.
3. Pemohon GKP yang diluluskan dijangka akan menerima bayaran secara pengkreditan terus ke akaun masing-masing mulai 15 Jun 2020. Bagi permohonan yang masih dalam semakan pula, keputusan permohonan akan dimaklumkan mulai 8 Jun 2020 dan pembayaran akan dibuat secara berperingkat mulai 15 Jun 2020.



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube

Permohonan Rayuan Geran Khas Prihatin Mulai 3 Jun sehingga 15 Jun 2020

4. Bagi memastikan semua pihak yang layak menerima GKP tidak tercicir, Kerajaan bersetuju untuk memberikan peluang kepada pemohon yang gagal dalam permohonan GKP mereka untuk membuat permohonan rayuan mulai 3 Jun sehingga 15 Jun 2020 melalui portal rasmi GKP di <https://gkp.hasil.gov.my>.
5. Setiap permohonan rayuan akan diproses dengan teliti dan keputusan rayuan akan dimaklumkan mulai 22 Jun 2020 manakala pembayaran pula dijangka dibuat mulai 29 Jun 2020.
6. Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:
 - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara),
 - b) HASiL Live Chat;
 - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>; dan
 - d) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:
 - Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
 - Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 02 Jun 2020



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube